



PERATURAN PERMAINAN BADMINTON
BAMBOO BADMINTON TOURNAMENT 2017
(UiTM KAMPUS SG.BULOH, SELAYANG & TELUK INTAN)

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan lain-lain Peraturan Am

2.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan di jalankan secara Beregu Lekaki dan Beregu Perempuan

3.0 KATEGORI PERTANDINGAN & SYARAT PENYERTAAN

3.1 Semua staf dan pelajar dari seluruh UiTM Negeri Selangor (Kampus Kesihatan (Sg,Buloh, Selayang & Tlk.Intan), Kampus Puncak Alam, Kampus Puncak Perdana dan Kampus Dengkil) serta UiTM Shah Alam.

3.2 Setiap pemain hanya dibenarkan mewakili satu (1) regu sahaja.

3.3 Kategori yang dipertandingkan adalah beregu lelaki dan beregu perempuan.

4.0 FORMAT PERTANDINGAN

4.1 Pemain akan bermain diperingkat kumpulan yang terdiri daripada 4 regu setiap kumpulan (bergantung kepada jumlah penyertaan) dan akan bermain secara liga dengan sistem kiraan 31 mata.

4.2 Setiap juara kumpulan akan mara ke pusingan suku akhir. Juara-juara kumpulan akan dibahagikan kepada 2 kumpulan dan akan bermain secara liga dengan sistem kiraan 31 mata.

4.3 Juara dan naib juara mara ke pusingan separuh akhir dan seterusnya ke peringkat akhir. Sistem kiraan 21 mata (best of 3)

5.0 PEMBERIAN MATA DAN PENENTUAN KEMENANGAN

5.1 Pemberian mata dan penentuan kemenangan adalah berdasarkan format berikut.

Menang : 3 mata
Kalah : 0 mata

***Catatan** : Pemberian mata ini hanya dilaksanakan pada perlawanan Peringkat Pusingan Pertama dan Peringkat Suku Akhir sahaja.

5.2 Sekiranya setelah semua perlawanan di peringkat pusingan pertama dan peringkat suku akhir telah selesai dan jika didapati dua (2) regu atau lebih memperolehi jumlah pungutan mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah keseluruhan pungutan mata yang diperolehi bagi setiap set perlawanan di peringkat pusingan pertama atau peringkat suku akhir.

5.3 Sekiranya dalam apa jua keadaan, seperti perkara 2 di atas gagal untuk menentukan pemenang, pihak penganjur berhak menggunakan sebarang sebarang kaedah yang difikirkan perlu dan munasabah untuk menentukan pemenang.

5.4 Bagi perkara 5.3 di atas, sebarang keputusan yang dikeluarkan oleh pihak penganjur adalah muktamad.

6.0 UNDIAN

Penentuan kedudukan setiap regu lelaki atau regu perempuan akan ditentukan mengikut cabutan undian. Keputusan undian adalah muktamad.

7.0 PERALATAN

Bulu tangkis pertandingan dan kelengkapan sukan yang ditetapkan akan disediakan oleh pihak penganjur.

8.0 PAKAIAN

Setiap pemain **DIWAJIBKAN** berpakaian lengkap sukan yang bersesuaian.

9.0 MELAPORKAN DIRI

Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil Kehormat setelah namanya diumumkan untuk bermain.

Masa selama 5 minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberikan kemenangan percuma.

10.0 HAK DAN KUASA PENGANJUR

10.1 Pihak penganjur berhak untuk menambah atau meminda mana-mana peraturan atas perkara-perkara yang tidak dijelaskan dalam peraturan pertandingan untuk melancarkan lagi kejohanan.

10.2 Pihak penganjur juga berhak untuk membatalkan penyertaan pemain yang melanggar mana-mana peraturan pertandingan.

10.3 Sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak penganjur adalah muktamad. Walaubagaimanapun, pihak penganjur akan menggunakan budi bicara dengan sebaik yang mungkin dalam membuat keputusan.